



## "MENYEMAI AKIDAH KEPADA ANAK-ANAK"

(6 Disember 2019/ 9 Rabiulakhir 1441H)

---

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَهْدِيهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلٌّ لَهُ، وَمَنْ يُضْلِلُ فَلَا هَادِيَ لَهُ، وَمَنْ لَمْ يَجْعَلِ اللَّهُ لَهُ نُورًا فَمَا لَهُ مِنْ نُورٍ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ لَا نَبِيَّ بَعْدَهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَأَفْضِلِ الْأُنْبِيَاءِ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فِيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! إِتُّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوْتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ .

### Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Khatib menyeru marilah bersama-sama kita bertaqwa kepada Allah dengan sebenar-benar taqwa, agar kita dapat melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala tegahan-Nya. Sesungguhnya melalui ketaqwaan, kita dapat mengisi kehidupan dengan sifat-sifat yang baik dan menghindari diri daripada sifat-sifat yang keji dan tercela. Syukurilah segala nikmat yang

telah dikurniakan kepada kita iaitu dengan cara kita meningkatkan amal ibadah disamping kita memperkuuhkan akidah kepada Allah. Semoga, hidup kita sentiasa dicucuri rahmat serta kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk **“Menyemai Akidah Kepada Anak-Anak”**.

### **Sidang Jumaat Yang Dimuliakan,**

Al-Quran menjelaskan kunci untuk bertemu Allah ialah dengan beramal soleh tanpa berlaku syirik iaitu menyekutu Allah dengan sesuatu. Firman Allah dalam surah al-Kahfi ayat 110:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
... قَمَنْ كَانَ يَرْجُو اِلْقَاءَ رَبِّهِ فَلَيَعْمَلْ عَمَلاً صَالِحًا وَلَا يُشْرِكْ بِعِبَادَةِ رَبِّهِ أَحَدًا

Maksudnya: “...Oleh itu, sesiapa yang percaya dan berharap akan pertemuan dengan tuhannya, hendaklah ia mengerjakan amal yang soleh dan janganlah ia mempersekuukan sesiapa pun dalam ibadatnya kepada tuhannya”.

Anak, amanah yang wajib dipelihara oleh kedua ibu bapa. Pendidikan akidah yang sempurna terhadap anak-anak akan membentuk peribadi muslim yang baik beserta pemikiran yang betul. Sekiranya anak-anak

diasuh dengan pegangan yang salah, maka amat mudah fikiran mereka diracuni atau diselewengkan. Kanak-kanak dilahirkan ke dunia dengan jiwa dan hati yang bersih. Hakikat ini ditegaskan dalam sebuah hadis Rasulullah SAW:

كُلُّ مَوْلُودٍ يُولَدُ عَلَى الْفِطْرَةِ، فَأَبْوَاهُ يُهَوِّدُهُ أَوْ يُمَجْسِسُهُ أَوْ يُنَصِّرُهُ

Maksudnya: “*Setiap anak yang dilahirkan adalah dalam keadaan fitrah. Maka kedua-dua ibu bapanya lah yang mencorakkannya menjadi Yahudi, Nasrani atau Majusi*”. (Hadis riwayat Bukhari dan Muslim)

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah**

Ibu bapa adalah contoh terladan kepada anak-anak. Persoalannya sejauh manakah ibu bapa bekalkan ilmu pendidikan akidah kepada anak-anak yang berteraskan al-Quran dan as-Sunnah? Langkah berikut haruslah diterapkan bagi menyuburkan benih akidah di dalam jiwa anak-anak, maka langkah-langkah berikut haruslah diterapkan:

**Pertama:** Mempelajari Dan Memahami Prinsip-Prinsip Akidah Yang Benar.

Ibu bapa perlu bersama anak-anak membaca, memahami dan mentadabbur ayat-ayat berkaitan keesaan, kekuasaan dan kebesaran

Allah. Ini bagi membersihkan fikiran anak-anak daripada pengaruh budaya barat yang mengagumi kemajuan material. Antara ayat al-Quran yang boleh dikaitkan dengan persoalan ini ialah ayat yang menyebut kisah Qarun yang sompong dan mengangkat dirinya lebih tinggi daripada manusia-manusia lain disebabkan kekayaannya seperti mana dirakamkan dalam al-Quran surah al-Qasas ayat 78:

أَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
قَالَ إِنَّمَا أُوتِيتُهُ عَلَىٰ عِلْمٍ عِنِّي ...

Maksudnya “Qarun menjawab (dengan sompongnya): “Aku diberikan harta kekayaan ini hanyalah disebabkan pengetahuan dan kepandaian yang ada pada ku...”

### **Kedua: Kenali Amalan Yang Boleh Menjejaskan Akidah.**

Sebagai contoh “mesej berantai”. Ketika mana seseorang menerima satu mesej tentang kelebihan sedekah, setelah dibaca hendaklah menghantar kepada seratus orang agar terhindar dari bahaya dan sebagainya.

### **Ketiga: Tidak Bertaklid Buta.**

Perkara ini terjadi dengan cara mengambil pendapat atau permasalahan akidah tanpa mengetahui dalil dan hujahnya yang sebenar. Kita mestilah sedar bahawa ilmu agama perlu dirujuk kepada guru yang **murshid** agar

selamat daripada kesesatan seperti fahaman Mu'tazilah, pluralisme, liberalisme dan sebagainya.

**Keempat:** Ibu bapa hendaklah menerangkan kepada anak-anak bahawa setiap amalan yang dilakukan akan dicatat oleh para malaikat. Allah berfirman dalam surah al-Kahfi ayat 49:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
وَوُضِعَ الْكِتَبُ فَتَرَى الْمُجْرِمِينَ مُشْفِقِينَ مِمَّا فِيهِ وَيَقُولُونَ يَوْمَئِنَا مَا لِهَا أُكْتَبَ لَا  
يُغَادِرُ صَغِيرَةً وَلَا كَبِيرَةً إِلَّا أَحْصَنَاهَا وَوَجَدُوا مَا عَمِلُوا حَاضِرًا وَلَا يَظْلِمُ رَبُّكَ أَحَدًا

Maksudnya: “*Dan Kitab-kitab amal juga tetap akan dibentangkan, maka engkau akan melihat orang yang berdosa itu, merasa takut akan apa yang tersurat di dalamnya dan mereka akan berkata: “Aduhai celakanya kami, mengapa kitab ini demikian keadaannya? Ia tidak meninggalkan yang kecil atau yang besar, melainkan semua dihitungnya”. Dan mereka dapati segala yang mereka kerjakan itu sedia (tertulis di dalamnya) dan (ingatlah) Tuhanmu tidak berlaku zalim kepada seseorang pun”.*

**Kelima:** Manfaatkan waktu bersama anak-anak untuk mencari maklumat yang benar dan memandu mereka ke arah cara berfikir yang betul supaya tidak mudah terpengaruh dengan fahaman-fahaman yang sesat.

Contohnya; anak-anak jangan dibiarkan menghabiskan masa bersama gajet tanpa pengawasan.

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Pengajaran yang dapat dipetik dari khutbah pada hari ini:

**Petama:** Pendidikan akidah mesti disemai sejak anak dalam kandungan ibu lagi.

**Kedua:** Ibu bapa perlu peka dengan dakyah yang boleh merosakkan akidah anak-anak.

**Ketiga:** Ingatlah, hanya dengan memiliki akidah yang benar sahajalah, seseorang akan dimasukan ke dalam syurga dan terselamat daripada seksaan neraka.

**Keempat:** Ibubapa hendaklah sentiasa memantau bahan-bahan yang dibaca oleh anak-anak termasuklah laman sesawang yang dilayari dan telefon pintar.

**Kelima:** Yakinkan kepada anak-anak, Allah sentiasa melihat apa yang dilakukan.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوَّا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيَّكُمْ نَارًا وَقُوْدُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلِّيْكَهُ

غِلَاظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمْرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمِرُونَ

Maksudnya: “Wahai orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan-bahan bakarnya: manusia dan batu (berhala). Neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkannya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan”. (surah at-Tahrim ayat 6)

بَارَكَ اللَّهُ لِنِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تَلَوَّتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيْمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيْمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيْمُ.



## خطبة كدوا

(Bulan Disember 2019)

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَحْمَةً وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَهْدِيهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِي اللَّهَ فَلَا مُضِلٌّ لَهُ، وَمَنْ يُضْلِلُ فَلَا هَادِي لَهُ.

أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِّلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَاحْبِهِ وَالْتَّابِعِينَ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

آمَّا بَعْدُ، فِيَا أَيُّهَا الْإِخْوَةُ الْمُؤْمِنُونَ! إِنَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

### Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Saya berpesan kepada tuan-tuan dan diri saya sendiri supaya bertakwa kepada Allah SWT dengan mematuhi segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Sesungguhnya berbahagialah orang yang bertakwa kepada Allah. Di samping itu, sebagai tanda mensyukuri segala nikmat Allah yang dikurniakan kepada kita, marilah kita mencontohi akhlak nabi SAW dan para sahabat sehingga mereka digelar jutawan akhirat. Caranya

ialah dengan memperbanyakkan sumbangan harta yang kita sayangi ke jalan Allah iaitu dengan melakukan amalan **waqaf**.

Waqaf dari segi syarak ialah apa-apa harta yang ditahan hak pewaqaf ke atas harta tersebut daripada sebarang urusan jual beli, pewarisan, hibah dan wasiat di samping mengekalkan sumber fizikalnya, untuk kebajikan dengan niat untuk mendekatkan diri pewaqaf kepada Allah.

Di negara kita, amalan berwaqaf telah lama diamalkan oleh generasi yang terdahulu. Mereka telah berjaya mewaqafkan harta melalui pembinaan masjid-masjid, sekolah-sekolah, pondok-pondok pengajian dan rumah-rumah anak yatim. Berwaqaf adalah amalan mulia yang dapat melahirkan perasaan kasih sayang, menyemarakkan semangat saling bantu-membantu antara satu sama lain. Sepertimana firman Allah SWT dalam surah Ali Imran ayat 92:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
لَنْ تَنَالُوا الْبَرَّ حَتَّىٰ تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ يِهِ عَلِيمٌ

Maksudnya: “Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebijakan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan, maka sesungguhnya Allah mengetahuinya”.

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Di negeri kita khususnya, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) telah menyediakan satu alternatif kepada pelaksanaan ibadah waqaf yang berkonsepkan wakalah melalui dana waqaf Pulau Pinang. Sama ada melalui potongan gaji bulanan atau pembayaran secara atas talian. Wakalah bermaksud para penyumbang mewakilkan kepada Majlis Agama Islam untuk mewakafkan mana-mana harta kekal dengan niat kerana Allah Taala. Ini merupakan satu usaha untuk menggembeling kerjasama ummah untuk bersama-sama melaksanakan ibadah waqaf walau pada tahap manapun kemampuan ekonomi seseorang.

Di samping itu, mesyuarat Majlis Agama Islam Pulau Pinang Bil 3/2018 bertarikh 22 November 2018 telah memutuskan bahawa **10%** daripada hasil kutipan Tabung Jumaat mingguan dari setiap masjid, hendaklah disalurkan secara bulanan kepada **Tabung Wakaf Sumbangan Masjid** yang telah ditubuhkan. Maka adalah menjadi tanggungjawab seluruhan jawatankuasa kariah untuk melaksanakan amanah ini dengan sempurna.

Mengengkari arahan ini akan menyebabkan mereka boleh dikenakan tindakan undang-undang mengikut **Seksyen 9, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (NEGERI PULAU PINANG) 1996**. Seksyen ini memperuntukkan bahawa: “*Mana-mana orang yang bertindak dengan cara yang menghina pihak berkuasa agama atau mengingkari, melanggar atau mempertikaikan perintah atau arahan Yang Di-Pertuan Agong sebagai Ketua Agama Islam, Majlis atau Mufti, yang dinyatakan atau diberikan melalui fatwa, adalah melakukan suatu kesalahan. Jika disabitkan kesalahan, boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau keduanya.*”

Justeru marilah kita infaqkan sedikit rezeki yang ada. Secara tidak langsung jemaah yang menghulurkan derma setiap kali solat Jumaat, akan berkongsi saham waqaf yang berkekalan manfaatnya hingga ke hari akhirat. Diriwayatkan dari Abu Hurairah, Rasulullah ﷺ bersabda:

إِذَا مَاتَ ابْنُ آدَمَ انْقَطَعَ عَنْهُ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثٍ:  
صَدَقَةٌ جَارِيَةٌ، أَوْ عِلْمٌ يُنْتَفَعُ بِهِ، أَوْ وَلَدٌ صَالِحٌ يَدْعُونَ لَهُ.

Yang bermaksud: “Apabila seorang hamba meninggal dunia, maka terputuslah darinya amalnya kecuali dari Tiga perkara iaitu sedekah jariah, ilmu yang diambil manfaatnya, anak soleh yang mendoakannya”. (Hadis Riwayat Muslim)

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Pada saat yang penuh barakah ini marilah kita berselawat ke atas nabi Muhammad SAW yang membawa petunjuk dan rahmat kepada kita sekalian sepatimana perintah Allah dalam surah Al-Ahzab, ayat 56:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
إِنَّ اللَّهَ وَمَلِكُكُتُهُ يُصَلِّوْنَ عَلَى الَّذِي يَأْتِيهَا الَّذِينَ عَامَنُوا صَلَوْا عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيْمًا

“Sesungguhnya Allah dan malaikat-Nya berselawat kepada Nabi Muhammad ﷺ wahai orang yang beriman, berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya”.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَلِّي سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ. كَمَا صَلَيْتَ  
وَسَلَّمَتَ وَبَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أَلِّي سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ  
مَحِيدٌ.

اللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.  
اللّٰهُمَّ أَرِنَا الْحَقَّ حَقًا وَارْزُقْنَا التَّبَاعَةَ وَأَرِنَا الْبَاطِلَ بَاطِلًا وَارْزُقْنَا اجْتِنَابَهُ، بِرَحْمَتِكَ يَا  
أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah, kami mohon kehadrat-Mu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah, dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat.

Ya Allah, bukakanlah hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefardhuan yang lain. Berkatilah hidup orang yang melaksanakan zakat dan menyayangi fakir miskin, serta mereka yang menginfakkan harta untuk **Dana Wakaf Pulau Pinang** dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke akhir hayat.

اللّٰهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالْعَافِيَةَ عَلَى مَلِكِنَا، كِبَاوِهِ دُولِي يُغْ مَهَا مُولِيَا سَرِيْ قَادُوكْ باكِينِدا يُغْ دَفْرُتوانْ انْكُوْغْ كَانْمِ بَلْسْ، الْسُّلْطَانُ عَبْدُ اللَّهِ رِعَايَةُ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهِ إِنِّي المَرْحُومُ سُلْطَانُ حاجِ أَخْمَدْ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ، وَكَذَلِكَ مُولَانَا توانْ يُغْ تِراوَتَاما تونْ دَاتُوَءَ سَرِيْ اوَتَاما دَكْتُور حاجِ عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ حاجِ عَبَاس يُغْ دَفْرُتوانْ نَكْرِي فُولاوْ ثِينُغْ.

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ، يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَإِذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاسْكُرُوا عَلَىٰ  
نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.